



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
PERSIARAN MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH,
55100 KUALA LUMPUR, SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG
PEKERJA SAMBILAN HARIAN DI BAWAH
PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR (PPKB)

- A.** Permohonan adalah dipelawa kepada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi memohon jawatan seperti berikut :

BIL.	JAWATAN	BIL. KEKOSONGAN	KADAR UPAH	KEMUDAHAN	PENEMPATAN
1.	Pembantu Khidmat Am (Pembantu Awam) Gred H1	03	RM50.00/Hari	i. Klinik Panel ii. Caruman KWSP dan PERKESO iii. Kelayakan Elaun Lebih Masa	Taman Kucing MPAJ

B. UMUR

Calon-calon hendaklah berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

C. SKOP TUGAS JAWATAN

- Membersihkan sangkar, kawasan Taman Kucing dan memastikan tahap kebersihan serta sanitasi sentiasa terjaga.
- Memberi makanan dan minuman kepada kucing mengikut jadual yang ditetapkan.
- Menjalankan pemerhatian harian terhadap keadaan kesihatan dan kebajikan kucing.
- Memberikan rawatan asas seperti membersihkan luka ringan, memberi ubat asas mengikut arahan pegawai / penyelia yang bertanggungjawab serta mengasingkan kucing yang sakit.
- Membawa kucing yang sakit atau memerlukan rawatan lanjut ke Klinik Veterinar bagi mendapatkan pemeriksaan dan rawatan.
- Membantu menangkap, memindahkan dan mengasingkan serta menguruskan penempatan kucing yang baru diterima.
- Merekodkan kemasukan, pengeluaran, rawatan dan kematian kucing dalam rekod pengurusan Taman Kucing.
- Membantu pelaksanaan program *Cat Adoption*, pameran, kempen kesedaran dan aktiviti pendidikan berkaitan pemilikan haiwan secara bertanggungjawab.
- Membantu kerja-kerja pembersihan, penyelenggaraan kemudahan serta tugas-tugas am yang berkaitan dengan operasi Taman Kucing MPAJ.
- Melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa berkaitan pengurusan haiwan terbiar.

D. TEMPOH PERKHIDMATAN PEKERJA SAMBILAN HARIAN

Tempoh perkhidmatan hendaklah tidak melebihi tiga (3) bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan, tempoh berkenaan boleh dilanjutkan oleh Ketua Jabatan sehingga maksimum tiga (3) bulan lagi.

E. CARA MEMOHON

- i. Borang permohonan jawatan kosong ini boleh didapati dengan melayari laman sesawang rasmi Majlis Perbandaran Ampang Jaya iaitu <https://www.mpaj.gov.my/>
- ii. Borang permohonan jawatan kosong hendaklah disertakan bersama dokumen tersebut :
 - Salinan Kad Pengenalan
 - Salinan Sijil Kelahiran
 - Salinan Sijil-sijil Persekolahan
 - Sekeping Gambar Berukuran Pasport
- iii. Permohonan yang tidak menerima sebarang makluman atau jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya.
- iv. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada :

**Aras 15, Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama,
Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur, Selangor
(u/p: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)**

TARIKH IKLAN	:	17 OGOS 2026 (ISNIN)
TARIKH TUTUP PERMOHONAN	:	21 OGOS 2026 (JUMAAT)